

**KOMPILASI SOALAN-SOALAN
PERCUBAAN NEGERI-NEGERI BAHASA
MELAYU KERTAS 2 2023**

**SOALAN 1 (MORFOLOGI) + SKEMA
JAWAPAN**

BAHAGIAN A: SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

[35 markah]

1. *Baca petikan di bawah dengan teliti dan senaraikan empat kata ganda berentak. Kemudian, anda dikehendaki membina satu ayat anda sendiri daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu seb peribahasa atau nama khas.*

Perpaduan menjadi warna-warni dan merupakan asas kepada pembinaan negara bangsa. Hal ini dikatakan demikian kerana perpaduan menyumbang kepada keamanan dan situasi huru-hara dapat dielakkan. Sekiranya kepelbagaian kaum menjadi punca kacau-bilau, suasana keharmonian yang diimpikan dilihat sukar untuk dikekalkan. Sejarah hubungan kaum di Malaysia yang masyarakatnya rama-tamah mempunyai trend yang boleh dibahagikan kepada tiga tempoh masa. Ketiga-tiga fasa tersebut mencerminkan senario hubungan kaum di Malaysia dan menjelaskan bahawa perpaduan kaum dalam konteks kesepaduan sosial perlu dikekalkan agar negara tidak akan punah-ranah yang akan merugikan kita.

(Dipetik dan diubah suai daripada
'Memahami Kontrak Sosial dan Rukun Negara'
oleh Shamsiah Abd.Kadir,
Dewan Budaya, Bil. 9/2018
[8 markah])

Perhatian bagi Soalan 1

1. Berikan **1 markah** bagi setiap **kata ganda berentak** yang betul.
2. Berikan **1 markah** bagi setiap ayat yang betul dan gramatis dengan menggunakan kata nama ganda berentak dengan betul.
3. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda baca dengan betul.
4. Sekiranya beberapa **kata ganda berentak** telah digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat sahaja.
5. Kata yang diuji salah tetapi ayat yang dibina betul, berikan 0 markah.
6. Calon menyalin/meniru keseluruhan ayat daripada petikan atau mana-mana bahagian dalam keseluruhan kertas soalan, berikan 0 markah.
7. Perkataan digunakan sebagai kata nama khas atau peribahasa, berikan 0 markah.
8. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, berikan 0 markah.
9. Maksud ayat tidak jelas, berikan 0 markah.
10. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan / jalan bahasa / tanda baca daripada keseluruhan jawapan.
11. Calon yang menukarkan imbuhan atau menambahkan imbuhan, berikan **0 markah**.

Soalan 1 – Morfologi

- (i) **warna-warni**
- berbagai-bagai warna (nya), berbagai-bagai ragam atau corak, aneka ragam
- (ii) **huru-hara**
- dalam keadaan tidak tenteram, kacau-bilau: dalam keadaan kelam-kabut (tidak keruan dan sebagainya):berjalan dengan tidak tentu tujuan
- (iii) **kacau-bilau**
- sangat kacau, kacau-becah, kacau-bicau, kacau-birau, kacau-balau, berkacau-bilau sangat.
- (iv) **ramah-tamah**
- sangat ramah; perjumpaan selaku sahabat yang karib (secara kekeluargaan)
- (v) **punah-ranah**
- rosak binasa

[Maksimum : 8 markah]

KUALA LUMPUR (BANGSAR,PUDU)

1. *Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti dan senaraikan empat kata adjektif perasaan. Kemudian bina satu ayat anda sendiri daripada setiap kata adjektif perasaan tersebut untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

Kerukunan hidup dalam berkeluarga boleh mewujudkan komunikasi yang berkesan sesama ahli keluarga. Komunikasi yang berkesan akan mengelakkan daripada timbulnya rasa benci. Pertengkaran sesama ahli keluarga boleh mengundang perbalahan dan perasaan marah yang berpanjangan. Selain itu, hubungan yang erat antara keluarga dengan masyarakat tentu sahaja akan melahirkan perasaan sayang, sehinggakan ketika kita menghadapi masalah sudah pasti mereka akan membantu kita. Keluarga yang bahagia menyebabkan suasana kekeluargaan lebih mesra dan tenang. Jika kita hidup dengan menjaga hubungan baik, tentu saja tidak akan takut akan ancaman daripada pihak lain. Hal ini disebabkan oleh hubungan baik itu sendiri akan memberikan impak yang sangat positif dalam kehidupan bermasyarakat.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Keluarga Sejahtera Lahirkan Belia, Masyarakat Sejahtera',
oleh Jufitri Joha, *Utusan Malaysia*, 28 April 2018
[8 markah]

1. Kata Adjektif perasaan

- (i) benci – tidak suka
- (ii) marah – panas hati/ berang
- (iii) sayang – mengasihi/ mencintai/ kasihan/ kasih/ cinta
- (iv) tenang – tidak berkocak/ tidak berombak/ tidak gelisah
- (v) takut – gentar/ berasa segan dan hormat/ berasa bimbang/ tidak sanggup menghadapi sesuatu perkara

PAHANG

- 1 *Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti dan senaraikan empat kata hubung. Kemudian bina satu ayat anda sendiri daripada setiap kata hubung tersebut untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan dan menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

Tanggal 22 Jun 2023, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) akan menyambut ulang tahun penubuhannya yang ke-67. DBP atau nama asalnya Balai Pustaka ditubuhkan pada 22 Jun 1956 di Johor Bharu, Johor. Pada mulanya Balai Pustaka itu hanyalah sebuah jabatan kecil di bawah Kementerian Pelajaran sehingga nama institusi ini ditukar kepada DBP. Penubuhan DBP adalah untuk mengembangkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara. Oleh itu, kerajaan telah menerima cadangan Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu III agar menamakannya Dewan Bahasa dan Pustaka.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Pengajaran dan Pembelajaran dalam Era Pendidikan Digital'
oleh Siti Irni Syuhada,
Dewan Siswa, Bil. 6/2023

[8 markah]

Soalan 1 – Morfologi

Empat kata hubung

- i. yang
- ii. dan
- iii. atau
- iv. sehingga
- v. untuk
- vi. agar

[Maksimum : 8 markah]

KELANTAN

1. Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti dan senaraikan empat kata akronim. Kemudian, bina satu ayat anda sendiri daripada setiap kata akronim tersebut untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

Industri perfileman tempatan dalam pelbagai genre cukup meriah sepanjang 2018. Purata kutipan tayangan filem-filem itu melebihi RM150 juta. Industri ini dijangka semakin meriah dengan kemunculan filem adaptasi bukan sahaja daripada novel tetapi juga daripada cerpen. Contohnya karya penulis Jepun, Haruki Murakami telah membuktikan filem adaptasi dari genre ini berjaya memenangi lima Anugerah Oskar. Filem tersebut ditayangkan di seluruh pawagam di negaranya. Cerpen Bagai Sarang Burung di Ranting karya Sasterawan Negara Arena Wati yang bertemakan hidup bermuafakat telah diiktiraf oleh Gabungan Penulis Nasional (GAPENA) sebagai antara nukilan terbaik. Kita yakin, matlamat Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dalam memperjuangkan hak asasi manusia akan tercapai jika karya ini diadaptasi kepada filem. Oleh itu, Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (FINAS) perlu bertanggungjawab dalam mengangkat karya penulis tempatan ke peringkat global.

Sumber: <http://ubsm books.com>

[8 markah]

Perhatian bagi Soalan 1

1. Berikan 1 markah bagi setiap kata akronim yang betul.
2. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul dan gramatis dengan menggunakan kata akronim tersebut.
3. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda baca dengan betul.
4. Sekiranya beberapa kata akronim yang diuji telah digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat sahaja.
5. Kata yang diuji salah tetapi ayat yang dibina betul, berikan 0 markah.
6. Calon menyalin/ meniru keseluruhan ayat daripada petikan atau mana-mana bahagian dalam keseluruhan kertas soalan, berikan 0 markah.
7. Perkataan digunakan sebagai kata nama khas atau peribahasa, berikan 0 markah.
8. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, berikan 0 markah.
9. Maksud ayat tidak jelas, berikan 0 markah.
10. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan / jalan bahasa / tanda baca daripada keseluruhan jawapan.
11. Calon yang menambah imbuhan atau menukar imbuhan, berikan 0 markah.
12. Calon yang menggandakan perkataan diuji, diterima.

Soalan 1 – Morfologi

- (i) **purata**
 - nilai yang diperoleh dengan membahagikan jumlah sebilangan kuantiti dengan bilangan kuantiti tersebut
- (ii) **cerpen**
 - cerita pendek
- (iii) **pawagam**
 - panggung wayang gambar
- (iv) **GAPENA**
 - Gabungan Persatuan Penulis Nasional
- (v) **FINAS**
 - Perbadanan Kemajuan Filem Nasional

[Maksimum : 8 markah]

JOHOR (PASIR GUDANG)

1. Morfologi

Baca petikan di bawah dengan teliti dan senaraikan empat kata adjektif perasaan. Kemudian anda dikehendaki membina satu ayat anda sendiri daripada setiap kata adjektif tersebut untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

Perasaan cinta akan negara perlulah dipupuk dalam diri masyarakat. Jasa dan bakti tokoh-tokoh terdahulu dalam memperjuangkan Tanah Melayu sewajarnya dihargai dan disanjung. Sebagai rakyat Malaysia, kita seharusnya berasa bangga kerana mampu menjalani kehidupan yang aman dan damai dalam komposisi masyarakat majmuk. Kita juga seharusnya berasa gembira kerana pada tahun ini negara kita telah mencapai kemerdekaan yang ke-66 tahun. Oleh hal yang demikian, isu perkauman seharusnya tidak lagi menjadi punca utama wujudnya rasa benci sesama kaum.

Dipetik dan diubah suai daripada 'Kepentingan Sejarah kepada Remaja'
oleh Hasrul Hosshan,
Dewan Siswa, Bil.3, 2021

(8 markah)

Perhatian bagi Soalan 1

1. Berikan **1 markah** bagi setiap kata adjektif yang betul.
2. Berikan **1 markah** bagi setiap ayat yang betul dan gramatis dengan menggunakan kata adjektif tersebut.
3. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda baca dengan betul.
4. Sekiranya beberapa kata yang diuji telah digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat sahaja.
5. Kata yang diuji salah tetapi ayat yang dibina betul, berikan **0 markah**.
6. Calon menyalin/ meniru keseluruhan ayat daripada petikan atau mana-mana bahagian dalam keseluruhan kertas soalan, berikan **0 markah**.
7. Petikan digunakan sebagai kata nama khas atau peribahasa, berikan **0 markah**.
8. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, berikan **0 markah**.
9. Maksud ayat tidak jelas, berikan **0 markah**.
10. Tolak **1 markah** bagi kesalahan ejaan / jalan bahasa / tanda baca daripada keseluruhan soalan.(Ayat perlu ada noktah)

Soalan 1 – Morforlogi

Kata Adjektif Perasaan

- i. Cinta
 1. Perasaan atau berperasaan sangat sayang kepada (negara, orang tua, kebebasan, dll)
 2. Perasaan atau berperasaan sangat berahi (asyik, kasih sayang) antara lelaki dan perempuan
- ii. Bangga
 1. Megah
 2. Besar hati
- iii. Gembira
 1. Sangat suka, sangat girang
- iv. Benci
 1. Perihal benci (rasa, sifat benci)

(Maksimum : 8 markah)

MELAKA

- 1 Baca petikan di bawah dengan teliti. Senaraikan **empat kata hubung**. Kemudian, anda dikehendaki membina **satu ayat anda sendiri** daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

Aadria telah mendapatkan rawatan lanjutan daripada pihak hospital. Doktor telah memantau pola pemakanan dan memberi sesi kaunseling secara berterusan kepadanya. Dengan sokongan daripada semua pihak, kini Aadria sudah kembali pulih. Sejak kejadian itu berlaku, ibu bapa Aadria turut membantunya dalam proses penyembuhan. Mereka akan memastikan Aadria makan mengikut kualiti nutrisi yang ditetapkan oleh pakar. Farah juga turut bersama-sama membantu dan memberikan nasihat tentang pemakanan serta diet kepada rakan sebilikinya. Hal ini membantu Aadria untuk memilih cara pemakanan yang lebih sihat.

Dipetik dan diubah suai daripada
cerpen 'Aku dan Obsesi'
oleh Nur Farzana Amali,
Dewan Siswa, Bil. 8, 2019
[8 markah]

Perhatian bagi Soalan 1

- ❖ Berikan 1 markah bagi setiap kata hubung yang betul.
- ❖ Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul dan gramatis dengan menggunakan kata hubung tersebut.
- ❖ Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda baca dengan betul.
- ❖ Sekiranya beberapa kata hubung telah digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat sahaja.
- ❖ Kata yang diuji salah tetapi ayat yang dibina betul, berikan 0 markah.
- ❖ Calon menyalin keseluruhan ayat daripada petikan atau mana-mana bahagian dalam keseluruhan kertas soalan, berikan 0 markah.
- ❖ Perkataan digunakan sebagai kata nama khas atau peribahasa, berikan 0 markah.
- ❖ Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, berikan 0 markah.
- ❖ Maksud ayat tidak jelas, berikan 0 markah.
- ❖ Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan / tanda baca / jalan bahasa daripada keseluruhan jawapan.

Soalan 1 – Morfologi

- (i) dan
- (ii) sejak
- (iii) yang
- (iv) serta
- (v) untuk

[Maksimum : 8 markah]

NEGERI SEMBILAN

- 2 *Baca petikan di bawah dengan teliti. Nyatakan ayat tersebut sama ada berpolakan Frasa Nama + Frasa Nama (FN+FN), Frasa Nama + Frasa kerja (FN+FK), Frasa Nama + Frasa Adjektif (FN+FA) ataupun Frasa Nama + Frasa Sendi (FN+FS).*

Malaysia berada pada kedudukan keempat daripada 10 negara teratas dalam menangani pegangan kehilangan hutan utama setakat 2023. Malaysia hampir berjaya mengekalkan kadar kehilangan hutan pada paras yang rendah. Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC), Nik Nazmi Nik Ahmad berkata, Malaysia ialah negara yang mengurangkan kehilangan hutan utamanya sebanyak 57 peratus pada tahun 2023. Berbanding negara serantau, pencapaian ini di kedudukan yang terbaik. Kecemerlangan ini telah mengangkat nama negara di mata dunia. Kejayaan ini adalah untuk negara Malaysia terus memacu kecemerlangan yang berterusan.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Malaysia di Tangga Keempat Kurangkan Kehilangan Hutan'
oleh Irwan Shafrihan Ismail.
Berita Harian, 1 Julai 2023

[6 markah]

SULIT

3

1103/2(PF)

Soalan 1 – Morfologi

- (i) pintar
 - cekap, pandai, mahir
- (ii) peka
 - tidak leka, lekas berasa, lekas bergerak balas terhadap pengaruh-pengaruh luar, rangsang, mudah bergerak, sensitif
- (iii) interaktif
 - saling bertindak, berhubung, antara satu sama lain
- (iv) canggih
 - moden dan kompleks, sofistikated
- (v) positif
 - pasti, tegas, tentu, baik atau elok (perangai, perbuatan dan lain-lain)
- (vi) panjang
 - ketinggian, ukuran jarak satu dimensi untuk mana-mana objek

[Maksimum: 8 markah]

TERENGGANU

- 1 Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti dan senaraikan empat kata nama akronim. Kemudian bina satu ayat anda sendiri daripada setiap kata nama akronim tersebut untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan dan menggunakan perkataan tersebut sebagai peribahasa atau kata nama khas.

DARO: Ibu bapa diseru agar menggalakkan anak-anak berdikari dan membenarkan mereka terlibat secara aktif dalam bidang sukan. Menurut Wakil Rakyat Daro, Safiee Ahmad, para ibu bapa tidak perlu menghalang anak-anak mereka tanpa mengira jantina terlibat dengan aktiviti sukan. "Secara purata, kanak-kanak berusia dalam lingkungan tujuh hingga 12 tahun lebih mudah dibentuk untuk menjadi atlet yang berjaya," katanya semasa merasmikan Kejohanan Sukan Sekolah Kebangsaan Kampung Nangar Daro berhampiran dengan tadika di Kampung Nangar pada Rabu lalu. Dalam ucapan yang sama, Safiee telah meluluskan peruntukan sebanyak RM150,000.00 untuk menaik taraf dewan gimrama bagi sekolah itu. Majlis perasmian turut diserikan dengan persembahan sebuah kugiran yang terkenal di Sarawak.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Galak Anak Terlibat Secara Aktif Dalam Sukan'
<https://ukas.sarawak.gov.my/>
Ukas Portal 03 November 2022

[8 markah]

Soalan 1 – Morfologi

| Bil. | Kata Nama Akronim | Maksud | Contoh Ayat |
|------|-------------------|---|--|
| 1 | berdikari | - berdiri atas kaki sendiri, tidak mengharapkan orang lain utk menolongnya: | Leman hidup <u>berdikari</u> selepas kematian kedua-dua ibu bapanya. |
| 2 | jantina | - jenis kelamin (laki-laki atau perempuan); dua ~ dua jenis kelamin, pondan; sejantina 1. (bagi tumbuh-tumbuhan) bunga jantan dan bunga betina terdapat pd pokok yg berasingan; 2. (bagi binatang) benih jantan dan benih betina yg dihasilkan oleh jenisnya masing-masing; kejantinaan keadaan jantina (sama ada laki-laki atau perempuan), jenis kelamin: meminda perlembagaan utk menghapuskan beza-membeza yg berdasarkan | Perbezaan <u>jantina</u> bukan penghalang untuk Izzah menceburi bidang sukan lasak. |
| 3 | purata | - pukul rata; hitung panjang, nilai yg diperoleh dgn membahagikan jumlah sebilangan kuantiti dgn bilangan kuantiti tersebut, hitung panjang; | <u>Purata</u> pendapatan rakyat Malaysia dijangka meningkat kepada RM2500.00 sebulan pada tahun hadapan. |
| 4 | tadika | - akronim bagi taman didikan kanak-kanak | Adik belajar di <u>tadika</u> berhampiran rumah saya. |
| 5 | gimrama | - akronim bagi gimnastik berirama (iaitu suatu persembahan gimnastik yg biasanya menggunakan alat tertentu spt tali, reben dan bola dgn iringan irama muzik): | Atlet <u>gimrama</u> negara telah berjaya menggondol pingat emas dalam disiplin tali. |
| 6 | kugiran | - kumpulan gitar rancak, pancaragam moden yg popular. | Lima <u>kugiran</u> terkenal tanah air akan membuat persembahan sempena Hari Kebangsaan. |

[Maksimum : 8 markah]

YAYASAN ISLAM KELANTAN

1. Baca petikan di bawah dengan telitinya dan senaraikan kata penguat, kata bantu dan kata bilangan. Kemudian anda dikehendaki membina satu ayat anda sendiri daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

Ruang bagi golongan remaja menceburi bidang keusahawanan ini amat luas. Bidang keusahawanan ialah bidang yang perlu diterokai oleh kebanyakan remaja. Remaja yang melanjutkan pengajian di Institut Pengajian Tinggi juga boleh menceburi bidang keusahawanan walaupun masih bergelar pelajar. Dunia sekarang yang semakin moden dan sangat mencabar menuntut para remaja supaya berdikari dan berdaya kreatif. Keusahawanan dan perniagaan harus dijadikan satu daripada kerjaya pilihan dalam kalangan remaja supaya kebergantungan terhadap pasaran kerjaya makan gaji dapat dikurangkan dan seterusnya mengurangkan kadar pengangguran dalam kalangan masyarakat.

Dipetik dan diubah suai daripada 'Ayuh, Jadilah Usahawan!' oleh Syed Mahadzir Syed Ibrahim, Dewan Siswa, Bil 7/2019

[6 markah]

Perhatian bagi Soalan 1

1. Berikan 1 markah bagi setiap kata penguat, kata bilangan dan kata bantu yang betul.
2. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul dan gramatis dengan menggunakan kata penguat, kata bilangan dan kata bantu tersebut.
3. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda baca dengan betul.
4. Sekiranya beberapa kata yang diuji telah digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat sahaja.
5. Kata yang diuji salah tetapi ayat yang dibina betul, berikan 0 markah.
6. **Calon meniru/menyalin sebahagian atau keseluruhan ayat daripada petikan atau mana-mana bahagian dalam keseluruhan kertas soalan – 0 markah.**
7. Ayat digunakan sebagai kata nama khas atau peribahasa – 0 markah.
8. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih - 0 markah.
9. Maksud ayat tidak jelas – 0 markah
10. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan / jalan bahasa / tanda baca daripada keseluruhan markah yang diperoleh.

SOALAN 1: MORFOLOGI

| BIL | KATA PENGUAT | AYAT |
|-------|--------------|---|
| (i) | amat | Zulaika amat menyayangi kedua-dua ibu bapa angkatnya kerana mereka melayannya dengan baik. |
| (ii) | sangat | Yusuf sangat pandai menghormati orang yang lebih tua walaupun umurnya baru lima tahun. |
| (iii) | semakin | Perasaan rindu akan ibu bapanya semakin kuat apabila menjelang Hari Raya. |

SARAWAK (SMK MERADONG)

Soalan 1: Morfologi

Baca petikan di bawah dengan teliti dan senaraikan **empat kata adjektif perasaan**. Kemudian anda dikehendaki membina **satu ayat anda sendiri** daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan tersebut sebagai peribahasa atau nama khas.

Sejak bertemu dengan Syahid, Mellisa telah mula mesra dan akrab. Dengan gembira, Mellisa memenuhi permintaan Syahid untuk bertemu pada hari Sabtu itu. Malangnya, hubungan mereka terputus apabila Mellisa terpaksa meninggalkan Syahid untuk memenuhi keinginannya menjalankan tugas yang lebih penting kepada negara. Mellisa meninggalkan Syahid tanpa pesan. Keputusannya menyebabkan Syahid kecewa. Setelah mendapat jawapan hasil daripada kajian terhadap peristiwa rusuhan kaum, tugas untuk negara dilakukannya dengan penuh bangga. Mellisa ingin melihat rakyat hidup aman sebagai satu bangsa merdeka dan berjaya.

Dipetik daripada sinopsis cerpen Mellisa,
Ulasan dan Kajian KOMSAS,
Antologi Harga Remaja, Nusamas 2012.
[8 markah]

Perhatian bagi Soalan 1

1. Beri 1 markah bagi setiap kata adjektif perasaan yang betul.
2. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul dan gramatis dengan menggunakan kata adjektif perasaan tersebut.
3. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda baca dengan betul.
4. Sekiranya beberapa kata yang diuji telah digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat sahaja.
5. Kata yang diuji salah, tetapi ayat yang dibina betul, berikan 0 markah.
6. Calon menyalin/ meniru keseluruhan ayat daripada petikan atau mana-mana bahagian dalam keseluruhan kertas soalan, berikan 0 markah.
7. Perkataan yang digunakan sebagai kata nama khas atau peribahasa, berikan 0 markah.
8. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, berikan 0 markah.
9. Maksud ayat tidak jelas, berikan 0 markah.
10. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan / jalan bahasa / tanda baca daripada keseluruhan jawapan.

Soalan 1 : Morfologi

| Kata adjektif perasaan | |
|-------------------------------|--------|
| mesra | bangga |
| akrab | aman |
| gembira | |
| kecewa | |

[Maksimum : 8 markah]

PERAK

- 1 Baca petikan di bawah dengan teliti dan senaraikan dua kata arah dan dua kata sendi nama. Kemudian, anda dikehendaki membina satu ayat anda sendiri daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

Apabila disebut tentang Teluk Intan, ramai dalam kalangan kita membayangkan Menara Condong Teluk Intan yang berdiri megah di tengah-tengah pekan Teluk Intan umpama Menara Condong Pisa di Itali. Inilah sebuah permata yang bernilai dan mempunyai sejarahnya yang tersendiri sejak sekian lama. Teluk Intan telah mengalami perubahan dari segi pembangunan prasarana pelancongan bagi menarik minat pelancong luar untuk berkunjung ke Teluk Intan.

Menurut portal Majlis Perbandaran Teluk Intan (MPTI), kedudukan Teluk Intan berada di sebelah pantai Barat Semenanjung Malaysia dan berperanan sebagai pusat pentadbiran di Hilir Perak. Teluk Intan menduduki tangga ke-17 kedudukan bandar utama di Malaysia dan menduduki tangga ketiga bandar utama di Perak. Menyoroti kembali asal usul nama Teluk Intan, terdapat pelbagai versi berbeza dan yang sering didengar daripada mulut penduduk tempatan. Antara asal usul nama Teluk Intan termasuklah diambil bersempena nama seorang janda yang bernama Mak Intan dan memiliki rupa paras yang cantik. Beliau yang berasal dari Mandahiling, Sumatera merupakan peneroka terawal yang membuka Teluk Intan pada sekitar abad ke-19.

Dipetik dan diubah suai daripada

'Teluk Intan Permata Bersinar di Negeri Perak'

oleh Ahmad Syahmi Jalaluddin

Devan Budaya, November 2022

[8 markah]

Soalan 1 – Morfologi

Kata Arah

- | | |
|-----------------|---|
| 1 dalam | - jarak (jauhnya) ke bawah atau ke dasar dari permukaan (air, tanah, dsb), jarak (jauhnya) ke tengah dari tepi atau pinggir sesuatu |
| 2 tengah-tengah | - tempat (titik dll) yang letaknya di antara dua tepi (batas, benda, dll), bahagian di antara hujung dengan pangkal |
| 3 sebelah | - dekat, samping |
| 4 ke | - menunjukkan tempat |

Kata Sendi Nama

- | | |
|------------|---|
| 1 tentang | - berkenaan dengan |
| 2 sejak | - bermula dari, mulai, dari |
| 3 dari | - sendi kata yang menerangkan atau menyatakan tempat mula bergerak (bertolak, muncul, jatuh, dll) |
| 4 daripada | - sendi kata yang menyatakan (menunjukkan) sumber atau punca sesuatu itu diperoleh dsb) |
| 5 di | - menunjukkan tempat |

[Maksimum : 8 markah]

SELANGOR SET 1

- 1 *Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti dan senaraikan dua kata kerja transitif aktif dan dua kata kerja pasif. Kemudian bina satu ayat anda sendiri daripada setiap kata tersebut untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

Mungkin tidak terfikir oleh kita bahawa teknologi kecerdasan buatan atau lebih dikenali sebagai *artificial intelligence* (AI) akan berkembang dengan sebegitu pesat pada masa ini. Walaupun kekhawatiran kita tentang kemungkinan AI mengambil alih peranan guru dan pelbagai kerjaya penting pada masa depan masih belum berjawab, kita mestilah memastikan bahawa perkembangan teknologi wajib kita seimbangkan dengan pemantapan sahsiah dan nilai-nilai kemanusiaan demi pembentukan masyarakat madani.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Halusi Insani, Telusuri Madani'
oleh Alex Leong Jun Wei,
Dewan Siswa, Bil.7/2023

[8 markah]

Perhatian bagi Soalan 1

1. Berikan 1 markah bagi setiap kata yang disenaraikan dengan betul. Walau bagaimanapun, markah maksimum untuk kata kerja transitif aktif dan kata kerja pasif yang disenaraikan ialah 2 markah masing-masing.
2. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul.
3. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan / jalan bahasa / tanda baca daripada keseluruhan soalan.
4. Kata yang berkenaan digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 markah.
5. Kata digunakan sebagai nama khas, berikan 0 markah.
6. Sengaja menambah atau menukar imbuhan, berikan 0 markah
7. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak $\frac{1}{2}$ markah bagi setiap ayat.
8. Jika semua kata digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
9. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
10. Idea tidak jelas, berikan 0 markah.

Soalan 1 – Morfologi

(a) Kata Kerja Transitif Aktif

- (i) mengambil alih –
1. menerima atau melaksanakan (tugas, penyiataan kes, dokumen dll) daripada seseorang atau satu pihak yang lain.
 2. Menguasai dan memiliki (hartanah, syarikat dll) daripada seseorang atau satu pihak yang lain
 3. Mengawal atau menguasai (pemerintahan, negara, kuasa dll) daripada seseorang atau satu pihak yang lain

PERHATIAN: Jawapan “mengambil” TIDAK diterima kerana kata kerja transitif dalam petikan ini ialah kata kerja transitif aktif majmuk.

- (ii) memastikan – menyatakan atau menentukan (seseorang atau sesuatu) dengan pasti

[Maksimum: 2 markah]

(b) Kata Kerja Pasif

Ada empat kata kerja pasif dalam petikan ini, iaitu *terfikir*, *dikenali*, *berjawab* dan *seimbangkan*.

- (i) Terfikir – *teringat atau terbayang (seseorang atau sesuatu) dalam fikiran*
- (ii) Dikenali – *diketahui dari segi sifat, rupa dan sebagainya dengan lebih mendalam*
- (iii) Berjawab – *ada balasannya*
- (iv) Seimbangkan – *dijadikan seimbang*

[Maksimum: 2 markah]

Contoh Jawapan:

| Kata Kerja Transitif Aktif (KKTA) | Ayat | Markah |
|-----------------------------------|---|--------|
| Mengambil alih | Azman akan mengambil alih tugas sebagai ketua kumpulan mulai hari ini. | 1 |
| Memastikan | Saya akan memastikan kebajikan para peserta program ini sentiasa diutamakan. | 1 |
| Kata Kerja Pasif (KKP) | Ayat | |
| Terfikir | Punca masalah itu masih belum terfikir* oleh** saya. | 1 |
| | PERHATIAN KEPADA PEMERIKSA *Jika calon menggunakan "terfikir" sebagai kata kerja transitif aktif, berikan 0 markah , contohnya: Saya terfikir nasib yang menimpa golongan itu. (SALAH) Sepatutnya: Nasib yang menimpa golongan itu terfikir oleh saya. (BETUL) | 0 |
| | ** penggunaan kata sendi nama "oleh" selepas kata "terfikir" adalah wajib sebagai penanda status "terfikir" sebagai kata kerja pasif | 1 |
| Dikenali | Durian juga dikenali sebagai Buah Raja di negara kita. | 1 |
| Berjawab | Persoalan yang merumitkan itu tidak berjawab . | 1 |
| seimbangkan | Pelibatan aktif dalam aktiviti kokurikulum perlu kita seimbangkan dengan aktiviti kebajikan dan kerohanian. | 1 |
| | PERHATIAN: Jika calon menggunakan kata "seimbangkan" dalam ayat perintah, berikan 0 markah. Contohnya: "Seimbangkan masa untuk aktiviti sukan dengan aktiviti pembelajaran,"pesan ibu kepada abang. (SALAH) | 0 |

[Maksimum: 4 markah; 2 daripada KKTA, 2 daripada KKP]

SELANGOR SET 2

- 1 *Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti dan senaraikan empat kata sendi nama. Kemudian bina satu ayat anda sendiri daripada setiap kata sendi nama tersebut untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

Cukai pendapatan individu atas keuntungan perniagaan bukan hanya dikenakan kepada mereka yang berniaga secara tetap atau sambilan, malahan juga mereka yang berniaga secara konvensional atau secara dalam talian. Profesion seperti doktor yang membuka klinik sendiri, peguam yang memiliki firma guaman atau akauntan dengan firma perakaunan sendiri turut dikenakan cukai. Selain itu, terdapat beberapa kerjaya yang dikenakan cukai di bawah kategori Individu Berpendapatan Perniagaan, iaitu pempengaruh (*influencer*).

Dipetik dan diubah suai daripada
'Generasi Muda dan Cukai Pendapatan'
Jabatan Khidmat Korporat, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia,
Dewan Siswa, Bil. 5/2023

[8 markah]

Soalan 1 – Morfologi

(i) **atas**

- kerana (cth: Perkahwinan mereka bukan atas dasar cinta seperti pasangan zaman moden ini)
- terhadap (cth: Pemandu lori itu tidak mengaku salah atas tuduhan membawa lori secara berbahaya sehingga menyebabkan kematian)
- dengan (cth: Beliau berpuas hati atas kemajuan yang dicapai setakat ini.)
- tentang; mengenai (cth: Kajian ini berkisar atas konsep kebudayaan.)
- pada (cth: Adakah persaudaraan itu bergantung atas kebendaan dan materialisme?)
- mengikut; berdasarkan (cth: Pada keseluruhannya, drama tentulah bergerak atas perkembangan plot secara dramatik.)

• **salah** jika digunakan sebagai kata arah (cth: di atas meja) – 0 markah

(ii) **kepada**

- arah ke (dipakai sebelum nama orang atau kata pengganti diri) (cth: ...mengirimkan surat kepada orang tuanya)
- menyatakan sasaran yang merujuk manusia atau sesuatu; terhadap (cth: ...berbuat baik kepada golongan miskin)
- menyatakan hubungan pemilikan, penguasaan, pengawalan dsb antara sso atau sst dengan sso atau sst yang lain. (cth: ...ibu kepada Razak)

(iii) **dalam**

- lingkungan yang tidak mempunyai ruang atau jarak
- **salah** jika digunakan sebagai kata arah (cth: di dalam bilik) atau kata adjektif (cth: perigi itu sangat dalam) – 0 markah

(iv) **seperti**

- perbandingan antara dua benda atau perkara yang dianggap serupa
- sesuai dengan atau sebagaimana
- seolah-olah; seakan-akan
- misalnya; contohnya
- sama halnya dengan sesuatu

(v) **dengan**

- bersama-sama atau berserta
 - cara sesuatu itu dilakukan (cth: ...dengan kerjasama; dengan bacaan doa; dengan hati terbuka; dengan semangat perpaduan)
 - memakai atau menggunakan (cth: ...dengan daun pisang; dengan gunting)
 - perbandingan yang serupa atau sama (cth: sependapat dengan saya; akar dengan rotan; emas dengan perak)
- **salah** jika digunakan sebagai kata hubung (cth: dengan bersungguh-sungguh; dengan menggunakan daun pisang) – 0 markah

(vi) **di** – menunjukkan tempat

(vii) **selain** – untuk menyatakan perkara lain

[Maksimum: 8 markah]

SELANGOR SET 3

- 1 *Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti dan senaraikan empat kata majmuk. Kemudian bina satu ayat anda sendiri daripada setiap kata majmuk tersebut untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

Bidang keusahawanan dapat mendidik remaja agar menggalas tanggungjawab untuk membangunkan modal insan, lebih kreatif dan sentiasa berpemikiran kritis untuk mencapai kata putus sewaktu mengambil sebarang tindakan dengan berpandukan pengetahuan dan kemahiran yang dimiliki. Remaja yang menuntut di menara gading tentunya memiliki beraneka kemahiran seperti kemahiran asas urus niaga, pentadbiran, pemasaran dan komunikasi. Kemahiran ini dapat membantu usahawan muda untuk mengembangkan perniagaan mereka sehingga peringkat antarabangsa.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Ayuh, Jadilah Usahawan!'
oleh Syed Mahadzir Syed Ibrahim,
Dewan Siswa, Bil.7/2019

[8 markah]

Perhatian bagi Soalan 1

1. Berikan 1 markah bagi setiap kata majmuk yang betul.
2. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul dan gramatis dengan menggunakan kata majmuk tersebut.
3. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda baca dengan betul.
4. Sekiranya beberapa kata yang diuji telah digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat sahaja.
5. Kata yang diuji salah tetapi ayat yang dibina betul, berikan 0 markah.
6. Calon menyalin/ meniru keseluruhan ayat daripada petikan atau mana-mana bahagian dalam keseluruhan kertas soalan, berikan 0 markah.
7. Sengaja menambah, menggugurkan atau menukar imbuhan pada kata majmuk, berikan 0 markah.
8. Kata digunakan sebagai kata nama khas atau peribahasa, berikan 0 markah.
9. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, berikan 0 markah.
10. Maksud ayat tidak jelas, berikan 0 markah.
11. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan / jalan bahasa / tanda baca daripada keseluruhan soalan.

Soalan 1 – Morfologi

- (i) **tanggungjawab**
kewajipan yang dipikul oleh seseorang, segala yang wajib ditanggung
- (ii) **modal insan**
modal yang ada pada seseorang insan seperti ilmu pengetahuan, kekuatan fizikal, mental dan rohani.
- (iii) **kata putus**
keputusan atau kepastian yang diambil tentang sesuatu perkara penting
- (iv) **menara gading**
pusat pengajian tinggi
- (v) **urus niaga**
urusan atau perbuatan menjual dan membeli barangan dan perkhidmatan
- (vi) **antarabangsa**
melibatkan dua atau lebih negara

[Maksimum: 8 markah]